



Siaran Akhbar

MAJLIS SANTUNAN RAMADHAN MATRIX CONCEPTS HOLDINGS BERHAD BERSAMA DARUL ASNAF DAN OKU

Seremban, Negeri Sembilan, (27 Mac 2024) – Matrix Concepts Holdings Berhad menganjurkan majlis berbuka puasa bersama dengan Darul Asnaf Seri Tanjung Kuala Pilah, Darul Asnaf Sri Sendayan, Yayasan Kasih Sayang dan Bengkel Seri Sembilan (OKU), serta pihak pengurusan dan kakitangan Matrix Concepts.

Seramai 39 pelajar daripada Darul Asnaf Seri Tanjung, 37 pelajar Darul Asnaf Sri Sendayan, 18 pelajar Yayasan Kasih Sayang serta 30 orang OKU daripada Bengkel Seri Sembilan yang hadir dan menerima set hadiah bersempena dengan majlis berbuka puasa ini.

Menurut Pengerusi Kumpulan Matrix Concepts, Dato Haji Mohamad Haslah bin Mohamad Amin, majlis ini merupakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat dan sebagai usaha penghargaan dan meraikan sambutan Ramadhan bersama-sama.

“Golongan Asnaf dan Rumah OKU seumpamanya diraikan bagi berkongsi pengalaman berbuka puasa bersama dan kami akan teruskan lagi usaha menghulur bantuan kepada mereka agar dapat merasai kebahagiaan menyambut bulan Ramadhan dan Syawal yang akan menjelang tiba nanti,” katanya.

Majlis ini turut dihadiri oleh wakil media, pihak pengurusan Kumpulan Matrix Concepts dan staf Matrix Concepts Holdings Berhad.



Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Matrix Concepts www.mchb.com.my atau hubungi talian Matrix Concepts 1 800 88 2688.

----- Tamat -----

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Anthea Yap

Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam

Alamat Emel : anthea.yap@mchb.com.my